

Ibadah KORBAN

Pengertian, Dalil & Hukum

Apa itu korban ?

Menyembelih binatang tertentu pada **Hari Nahar** (**Raya Aidiladha**) dan **Hari Tasyrik** dengan tujuan untuk beribadah atau **menghampirkan diri kepada Allah SWT.**

Dalil Pensyariatan

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ

"Maka dirikanlah solat kerana TuhanMu dan berkorbanlah"

Surah Al Kauthar : 2

“

Hukum Menjalankan Ibadah Korban

Sunat Muakkad

Sangat dituntut ke atas umat islam yang berkemampuan dan tiada halangan.

Wajib

Sekiranya bernazar.

”

“


Hari Raya Aidiladha

10 Zulhijjah

Hari Tasyrik

11,12,13 Zulhijjah

”



Hukum Menyimpan Daging

KORBAN

Lebih dari 3 hari ?


Pendapat **Ali RA** dan **Umar RA**

Tidak boleh menyimpan daging korban melebihi 3 hari.



Pendapat Jumhur **Ulama'**

Dibolehkan untuk menyimpan daging korban melebihi 3 hari dan **hadis mengenai larangannya telah dimansuhkan**



Larangan menyimpan daging korban lebih 3 hari adalah berdasarkan keadaan **hidup ketika itu yang susah**. Kemudian hadis tersebut **dimansuhkan** hukumnya kerana keadaan telah berubah lebih baik.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

Menurut **Al Imam An Nawawi** Rahimahullah

Rasulullah SAW melarangnya kerana pada waktu itu telah **berlakunya musim kelaparan** dan **tujuan larangan** tersebut adalah untuk **membantu** mereka yang berada dalam **kesusahan**




Pembahagian Daging KORBAN

Pembahagian daging korban terbahagi kepada 2 jenis,
iaitu sembelihan **korban wajib (nazar)** dan **sembelihan sunat**

Pembahagian Daging Korban **Wajib** atau **Nazar**

Wajib semua dagingnya termasuk tanduk dan kulit disedekahkan kepada orang fakir dan miskin, dan **haram** bagi pihak orang yang berkorban memakan daging korbannya.



Pembahagian Daging Korban **Sunat**

1/3 Pihak yang berkorban dan ahli keluarganya

1/3 Fakir dan Miskin

1/3 Sahabat handai termasuk orang kaya dan jiran-jiran

Perkara Sunat IBADAH KORBAN

1

Tambat
ternakan
korban
menjelang
Hari Nahar

2

Beri makanan
kepada
haiwan
korban
sebelum
sembelih

3

Pastikan
haiwan
tersebut tidak
makan
makanan yang
syubhah

4

Letakkan
tanda serta
tutup tubuh
haiwan
korban

9

Melapah
setelah
haiwan yang
disembelih
tidak
bergerak

5

Lakukan
sembelihan
korban sendiri
jika tiada
halangan

6

Membaca
Bismillah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

7

Berselawat
ke atas
Nabi SAW

ﷺ

8

Penyembelih
dan haiwan
menghadap
kiblat



Kelebihan Ibadah **KORBAN**

Daripada Aisyah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

“ Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak adam pada hari al-Nahr (Raya Aidiladha) yang lebih dicintai oleh Allah selain daripada menumpahkan darah (binatang korban). Sesungguhnya ia akan datang pada hari kiamat dengan tanduknya, bulunya dan kukunya dan sesungguhnya darah tersebut akan sampai kepada redha Allah SWT sebelum ia jatuh ke bumi. Maka, bersihkanlah jiwa kamu (dengan berkorban). ”

(Riwayat At-Tirmidzi : 1493)

Ibadah korban merupakan sunat muakkad yang amat digalakkan bagi orang yang menepati syarat-syarat berkorban ...

Paling afdhal untuk dilaksanakan pada hari raya aidiladha adalah dengan menumpahkan darah korban

Ibadah korban adalah satu ibadah yang agung dan disedikan ganjaran pahala yang cukup besar di sisi Allah SWT

Sumber Bayan Linnas
Pejabat Mufti
Wilayah Persekutuan

